



3 Mac 2016

**PASUKAN PENYELIDIK BIOELEKTROMAGNETIK UniMAP BUKTIKAN  
ELEKTROMAGNETIK TIDAK MEMBERI KESAN KESIHATAN MANUSIA**

Pauh Putra, 3 Mac – Pasukan penyelidik Bioelektromagnetik dari Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Komputer dan Perhubungan dan PPK Sistem Elektrik menganjurkan seminar bagi mendapatkan penilaian di atas kejayaan projek kerjasama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Seminar bertajuk *Overview of The Impact of Electromagnetic Fields on Human Health- An Update About The Effects of Extremely Low Frequency Magnetic Fields (ELF-MFs) On Nervous System* diadakan di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) di sini, hari ini.

Pakar antarabangsa, Dr Claudia Consales iaitu saintis kanan di Agensi Kebangsaan Itali telah dijemput bagi menyampaikan ceramah beliau terhadap dua projek kerjasama di antara UniMAP dan SKMM berkenaan iaitu *Effects of Short Term LTE (850, 1800, 2600 Mhz) Base Station Signal Exposure On Cognitive Performance, Well Being, Physiological Parameters and Electroencephalography (EEG) of The Malaysian Children* dan *A Study On The Biological Effects of LTE (850, 1800, 3600 Mhz) EMF Exposures*.

Pemangku Naib Canselor Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal berkata, penyelidikan berkenaan adalah bagi mengatasi kebimbangan masyarakat tentang kesan pendedahan kepada sinaran elektromagnet yang dikatakan boleh menjejaskan kesihatan kesejahteraan masyarakat.

“Ini telah terbukti apabila kajian ini telah mendapati bahawa gelombang elektromagnet tidak berupaya membawa risiko kesan kesihatan kepada

masyarakat sekitar, termasuklah golongan warga tua dan kanak-kanak,” kata beliau.

Beliau turut melahirkan rasa bangga di atas kejayaan penyelidikan pasukan UniMAP itu kerana ia sekaligus memberi impak sosio-ekonomi yang besar dalam bidang penyelidikan.

Katanya, hasil kerjasama dengan kerajaan membuktikan universiti adalah hab sumber penting bagi mendapatkan pemikiran inovatif, pengetahuan baru serta pakar yang berupaya menarik pelabur antarabangsa.

“Justeru, UniMAP akan sedaya upaya untuk terus memanfaatkan kepercayaan kerajaan menerusi kontrak dan geran penyelidikan agar dapat meningkatkan reputasi negara samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa,” kata beliau .

Hadir sama ke seminar berkenaan ialah Pengarah Kanan, Ketua Bahagian Teknologi dan Masyarakat, SKMM Tuan Aisharuddin Nuruddin dan Dekan PPK Komputer dan Perhubungan UniMAP Prof Dr R. Badlishah Ahmad.

Terdahulu, kajian selama setahun yang dijalankan sekumpulan penyelidik UniMAP diketuai Dr Mohd Fareq Abdul Malek mendapati tiada hubung kait antara pendedahan jangka panjang kepada sinaran elektromagnet dengan kesihatan dan kesejahteraan manusia.

**Dikeluarkan Oleh :**

**AININULNIZA MOHD YUSOF**

Pegawai Perhubungan Media UniMAP